

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD

TARIKH : 6 APRIL 2017

RUJUKAN : 9715

SOALAN:

Tuan Idris Bin Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pelajar asing yang diambil tindakan kerana penyalahgunaan visa pelajar sejak tahun 2010, berdasarkan negara asal mereka.

JAWAPAN:

Bagi memastikan pelajar asing tidak menyalahgunakan pas pelajar mereka, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengadakan operasi bersepadu secara berterusan.

Dari tahun 2011 sehingga tahun 2016, seramai 536 orang pelajar telah ditangkap kerana menyalahgunakan pas pelajar mereka di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Statistik tangkapan pelajar asing yang telah menyalahgunakan pas pelajar mereka dari tahun 2011 hingga 2016 mengikut warganegara adalah seperti berikut:

- (i) Bangladesh : 360 orang;
- (ii) China : 77 orang;
- (iii) Nigeria : 12 orang;
- (iv) Pakistan : 12 orang;
- (v) Filipina : 11 orang;
- (vi) Indonesia : 10 orang;
- (vii) India : 3 orang; dan
- (viii) Lain-lain : 51 orang.